

23/04/2001

Rancangan Malaysia Kelapan dilancar hari ini

KUALA LUMPUR, Ahad - Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) yang akan dilancarkan esok, dijangka merangka satu strategi baru untuk memacu negara mengharungi cabaran globalisasi dan liberalisasi dalam keadaan ekonomi dunia tidak menentu.

Usaha itu bertujuan mengekang cabaran luaran bagi membolehkan negara mencatat pertumbuhan ekonomi mapan dan berdaya tahan.

Bagi kesejahteraan rakyat pelbagai kaum, agenda pembasmian kemiskinan dijangka diteruskan, tetapi dengan penekanan lebih ke arah penyusunan semula masyarakat.

Strategi bagi memperluaskan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ITC) mungkin terus diberi keutamaan, sejajar usaha kerajaan mengubah pendekatan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi).

RM-8 yang akan dibentangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dewan Rakyat esok juga dijangka memberi penekanan lebih khusus kepada dasar yang sudah dirumuskan melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3).

RRJP3 meliputi tempoh 2001-2010, dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 3 April lalu, manakala RM-8 iaitu pelan yang digubal untuk pembangunan bagi tempoh lima tahun (2001-2005) adalah fasa pertama pelaksanaan RRJP3 itu.

Berdasarkan hakikat itu, RM-8 mungkin tidak banyak beza daripada RRJP3, tetapi strategi baru dijangka diperkenalkan untuk memberi lebih penekanan kepada dasar yang sudah digariskan melalui Dasar Wawasan Negara (DWN) yang terkandung dalam RRJP3.

Namun, matlamatnya dijangka masih menjurus ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan bersatu padu menjelang 2020.

RM-8 juga dijangka memberi perhatian khusus bagi pertumbuhan ekonomi mapan dan berdaya tahan, berikutan perkembangan semasa ekonomi sejagat, terutama dalam menghadapi kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan Jepun.

Cabaran globalisasi, liberalisasi serta pembangunan ITC, mungkin memaksa kerajaan memberi penekanan baru untuk menghadapinya bagi tempoh lima tahun akan datang.

"Inilah cabaran utama negara dan saya rasa kerajaan tidak boleh lari daripada memberi penekanan yang lebih meluas kepada k-ekonomi seperti ditekankan dalam RRJP3.

"Kita sama-sama tunggu apakah input terbaru dalam RMK-8 nanti, yang boleh memacu negara ke arah pembangunan lebih mapan dan bertahan daya," kata seorang penganalisis ekonomi tempatan.

Beliau berkata, penekanan kepada sistem pendidikan mungkin diberi perhatian bagi pembangunan sumber manusia secara menyeluruh dengan matlamat untuk memberi peluang pendidikan akademik yang maksimum kepada setiap lapisan masyarakat.

Bagaimanapun, belum dipastikan sama ada kerajaan akan merombak sistem pendidikan dalam tempoh terdekat ini untuk disesuaikan dengan keperluan serta strategi RRJP3 bagi pembangunan sumber manusia, yang mungkin diberi penekanan lebih khusus dalam RM-8 dengan turut menekankan pendidikan sivik serta nilai positif.

Bagaimanapun, Dr Mahathir yang ditanya pemberita di Genting Highlands, Khamis lalu mengenai teras utama dalam RM-8 berkata, kebanyakannya adalah seperti yang terkandung dalam RRJP3.

Penganalisis percaya matlamat pembasmian kemiskinan akan terus diberi

penekanan, nilai tambah bagi aktiviti produktif melalui penggunaan pengetahuan ditingkatkan dan pembangunan luar bandar serta kemiskinan dalam bandar, turut diberi perhatian khusus seperti dalam RRJP3.

RRJP3 sebagai pelan 10 tahun dan pembangunan dekad kedua mengikut Wawasan 2020, digubal berasaskan DWN. Dimensi baru dasar yang diperkenalkan dalam DWN antara lain bagi membangunkan Malaysia sebagai sebuah masyarakat berasaskan pengetahuan.

Ia juga menjadikan sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan lebih dinamik; membasmi kemiskinan di kalangan kelompok kecil miskin di kalangan suku minoriti Bumiputera; mencapai penyertaan Bumiputera yang berkesan dan pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang 2010 serta mengorientasikan semula pembangunan sumber manusia.

Dasar itu dijangka dimantapkan lagi dalam RM-8, terutama bagi mempergiatkan penyertaan lebih cergas, tetapi bermutu, kaum Bumiputera dalam perniagaan selain penyusunan semula hak milik supaya sasaran ekuiti 30 peratus itu mudah dicapai menjelang 2010.

(END)